



Rohaidah dan Hashim menunjukkan karya **Hang Tuah** pada Majlis Anugerah Buku Negara 2015. (FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH)



Datuk Dr Anwar Ridhwan ketika membincang **Isu Dwibahasa Sistem Pendidikan Negara**, di DBP. (FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH)

Penilaian pemenang anugerah, isu bahasa polemik hangat

Saranan PM jadikan sastera mata pelajaran utama beri sinar baharu

pada 14 Mei lalu akibat pendarahan otak.

Setahun sebelumnya, Rahimidin menjadi 'calon popular' yang dianggap berpotensi sebagai penerima Anugerah Penulisan SEA Write 2014 bukan sahaja kerana keindahan bentuk dan makna puisinya, bahkan mutu keseluruhan kepengarangannya serta sumbangan besar dalam dunia sastera dan budaya.

Bagaimanapun, penyair veteran kelahiran Johor, Ismail Zamzam dipilih untuk penganugerahan pada tahun itu, sekali gus menjadikan Rahimidin sebagai pengarang yang tidak sempat dinobatkan selayaknya oleh sastera tanah air yang mengikut jejak langkah Allahyarham T Alias Taib, Azizi Abdullah dan Suhaimi Muhammad.

Sudah tentu polemik dan debat tercetus bukan sahaja di akhbar termasuk *BH*, bahkan di media sosial terhadap penilaian yang digunakan, selain pemilihan dan kekuatan panel penilai itu sendiri.

Polemik Hang Tuah

Pahlawan Melayu Hang Tuah kembali menjadi polemik tumpuan ramai sekitar bulan ini apabila Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Prof Emeritus Dr Ahmat Adam menimbulkan isu itu walaupun penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) terbaru menunjukkan jejak terakhir pahlawan Melayu itu berakhir di Temasik (kini Singapura) pada tahun 1511.

Kajian yang diterbitkan buku *Hang Tuah: Catatan Okinawa* tulisan Prof Emeritus Dr Hashim Musa dan Dr Rohaidah Kamaruddin itu turut menemukan bukti pahlawan itu pernah menjejaskan kaki ke Jepun.

Pada pentas antarabangsa pula, penyertaan Malaysia dalam Pesta Buku Frankfurt bertemakan Citarasa Malaysia pada Oktober lalu, turut menerima kritikan dalam pelbagai aspek termasuk pemilihan tema dan judul serta persembahan untuk menarik pedagang luar.

Apatah lagi pada tahun ini juga, Indonesia ialah negara pertama dari

gara di DBP, Kuala Lumpur, Oktober lalu.

Pelaksanaan yang akan bermula pada tahun depan itu, menerima bantahan antaranya daripada Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Majlis Permufakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) dan Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KONGRES).

Bagaimanapun, kerajaan memberi jaminan pelaksanaan DLP dan HIP tidak akan sekali-kali menjejaskan kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di sekolah di negara ini.

Bahasa Inggeris jadi bahasa urusan rasmi Sarawak

Isu bahasa turut tercetus apabila Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem dilaporkan berkata Sarawak akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan rasmi kerajaan, manakala agensi kerajaan pula diberi pilihan untuk menggunakan bahasa Melayu, selain bahasa Inggeris dalam dokumen rasmi.

Antara pihak yang meminta Kerajaan Sarawak kaji semula keputusan itu ialah DBP, GAPENA, Persatuan Karyawan Sarawak (PEKASA) dan sarjana bahasa.

Bagaimanapun, di sebalik polemik sepanjang 2015, ada cahaya baharu yang patut disahut oleh semua pihak apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menegaskan sastera kebangsaan perlu diambil kira dalam sistem pendidikan kebangsaan sebagai mata pelajaran utama.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Mahdzir pada Majlis Penyampaian Hadaiah Sastera Perdana (HSPM) 2014 pada penghujung November lalu.

DBP khususnya perlu menjadikan saranan Perdana Menteri itu sebagai langkah awal untuk merealisasikan dengan mengambil sikap dan tindakan proaktif apatah lagi badan itu sendiri berada di bawah Kementerian Pendidikan.



Adenan Satem



Rahimidin Zahari

Asia Tenggara yang menjadi Negara Tamu Kehormatannya sehingga memberikan cabaran besar kepada Malaysia untuk sekurang-kurangnya menyamai kejayaan negara jiran itu.

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) yang bertanggungjawab menyelenggara delegasi Malaysia perlu merangka strategi lebih bersepadu membabitkan institusi seperti Perbadanan Kota Buku (PKB), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan tahun yang paling hampir menjadi tumpuan di pesta buku itu ialah pada 2020.

Dalam konteks bahasa Melayu, inisiatif Program Dwibahasa (DLP) dan Program Imersif Tinggi (HIP) di 300 sekolah terpilih mencetuskan bantahan dan polemik khususnya daripada pejuang bahasa dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk disampaikan pada Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) dan Sesi Perbincangan Meja Bulat Berhubung Isu Dwibahasa Sistem Pendidikan Ne-



NAZMI YAAKUB

nazmi@bh.com.my



Di sebalik kejayaan yang mewarnai sastera Malaysia khususnya penganugerahan dan penerbitan karya, ranah itu juga tidak sunyi daripada kontroversi dan polemik.

Polemik Anugerah Sastera Negara (ASN) yang membawa gelaran Sasterawan Negara (SN) kepada penerimanya terus menghangatkan sastera tanah air sama ada sebelum atau selepas nama diumumkan.

Pengumuman nama penerimanya ke-13, iaitu Datuk Dr Zurinah Hassan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid melancarkan polemik yang berlaku termasuk dari awal tahun ini lagi.

Di sebalik pandangan pro dan kontra itu, Zurinah sebagai pengarang wanita pertama yang menerimanya perlu memenuhi kriteria tinggi di letakkan kepada SN khususnya dalam melahirkan karya yang hebat.

Polemik bukan sahaja berkisar terhadap kekuatan karya yang melayakkan Zurinah dinobatkan sebagai SN, bahkan terhadap kriteria penganugerahan dan juga panel penilai itu sendiri.

Apatah lagi pada tahun ini juga, sastera tanah air dikejutkan dengan berita sedih apabila pengarang, penyair, aktivis dan budayawan, Rahimidin Zahari meninggal dunia